

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN  
RAKYAT MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' SERI TIONG KING SING [ BINTULU ]**

**TARIKH : 10 JULAI 2019 (RABU)**

**SOALAN NO. 88**

Minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan apakah statistik terkini bagi kadar pengangguran untuk golongan belia dan graduan berdasarkan usia, kaum, negeri dan kelayakan akademik mereka.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Statistik tenaga buruh, guna tenaga dan pengangguran diperoleh daripada Survei Tenaga Buruh (STB) dan merujuk kepada penduduk yang berumur 15-64 tahun semasa minggu rujukan.
2. STB merupakan kajian sampel berkebarangkalian yang dilaksanakan melalui pendekatan isi rumah untuk mendapatkan maklumat anggaran tenaga buruh dan pengangguran peringkat penduduk. Kajian ini dilaksanakan mengikut piawaian yang ditetapkan badan antarabangsa iaitu International Labour Organization (ILO) yang diguna pakai oleh kebanyakan negara.

**NO. SOALAN : 88**

3. Berdasarkan laporan Survei Tenaga Buruh (STB) pada Januari 2019, ilangan penganggur yang direkodkan adalah seramai 515,000 dan kadar pengangguran adalah sebanyak 3.3%.
4. Manakala, melalui survei yang sama, berikut adalah statistik berkaitan pengangguran belia berbanding jumlah keseluruhan penganggur yang direkodkan;
  - a) kadar pengangguran belia (15 hingga 30 tahun) di peringkat graduan ialah 8.2 peratus;
  - b) kadar pengangguran belia tertinggi adalah dari kalangan kaum India iaitu sebanyak 11.3 peratus, diikuti kaum Bumiputera 8.8 peratus dan Cina 5.7 peratus;
  - c) Negeri Sabah mencatatkan jumlah pengganguran belia tertinggi iaitu 16.6 peratus, diikuti Terengganu 13 peratus dan Kelantan 12.8 peratus. Kadar pengganguran belia terendah adalah di Negeri Melaka iaitu 3.2 peratus; dan
  - d) kadar pengangguran tertinggi berlaku dari kalangan graduan lepasan Ijazah iaitu 9.1 peratus, diikuti lepasan Sijil 8.4 peratus dan Diploma 7.4 peratus Dari segi kelayakan akademik

Sekian, terima kasih.